

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]

TARIKH : 23 Mei 2016 [ISNIN]

SOALAN : Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pendirian Kementerian berkaitan isu penggunaan aditif dalam ternakan haiwan untuk dipasarkan dan apakah bentuk kerjasama Kementerian dengan agensi penyelidikan bagi membangunkan teknologi bagi mengekalkan kualiti daging tanpa penggunaan antibiotik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, aditif merupakan suatu bahan atau kombinasi bahan yang diberikan dalam kuantiti yang kecil sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada haiwan melalui bahantara seperti makanan. Aditif ini digunakan bertujuan untuk menambahkan keperluan mineral dan vitamin, meningkatkan ketahanan melawan penyakit, mengurangkan *stress*, meningkatkan nafsu makan, merangsang pertumbuhan dan meningkatkan produktiviti pengeluaran ternakan.

Di bawah Akta Makanan Haiwan 2009, aditif dibenarkan di dalam aktiviti penternakan. Walau bagaimanapun, ianya perlulah mengikut garis panduan dan kadar yang telah ditetapkan. Mengikut akta tersebut, mana-mana pihak yang melanggar perundangan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh

disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Antibiotik pula digunakan untuk rawatan, pengawalan dan pencegahan penyakit. Walau bagaimanapun, penggunaan probiotik dan *effective microorganism* (EM) telah dan sedia ada digunakan oleh pengusaha ternakan sama ada diberi melalui makanan atau minuman bagi pengawalan dan pencegahan penyakit. Penggunaan produk tersebut telah juga didapati dapat membantu menambahbaik pengeluaran dan pertumbuhan ternakan.

MARDI sebagai agensi R&D menjalankan kerjasama dengan membantu menilai produk pengganti kepada aditif antibiotik yang dibangunkan oleh pihak swasta secara saintifik khususnya bagi ayam pedaging. Sebagai contoh MARDI telah menguji *herbal cocktail* dan *biotechnological additives*, manakala pengujian tongkat ali sebagai aditif sedang dijalankan.